

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 6 DISEMBER 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 22

Ekonomi Malaysia diunjur cecah AS\$1 trillion 2035



Kenaikan KDNK per kapita dijangka lonjak kedudukan dalam senarai berpendapatan tinggi dunia

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Pertumbuhan jangka sederhana dan panjang Malaysia dijangka kekal menggalakkan, dengan ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang kepada AS\$1 trilion dolar Amerika Syarikat (AS) menjelang 2035, demikian kata ahli ekonomi.

Ketua Ahli Ekonomi Asia Pasifik S&P Global Market Intelligence, Rajiv Biswas, berkata jumlah Keluaran Dalam Negara

Kasar (KDNK) nominal yang diukur dalam terma dolar AS diunjurkan meningkat daripada sekitar AS\$400 bilion pada 2022 kepada AS\$710 bilion menjelang 2030 dan AS\$1 trilion menjelang 2035.

Beliau berkata, KDNK per kapita pula diunjurkan meningkat daripada AS\$12,000 pada 2022 kepada AS\$19,300 menjelang 2030 dan AS\$26,400 menjelang 2035.

Katanya, peningkatan itu akan membantu memacu pertumbuhan pasaran pengguna domestik dan juga melonjakkan Malaysia ke dalam barisan ekonomi berpendapatan tinggi dunia seperti yang diukur oleh KDNK setiap orang.

"Ekonomi Malaysia melantun kukuh pada 2022, dengan momentum pertumbuhan ekonomi dirangsang oleh pelonggaran langkah sekatan COVID-19 serta eksport produk elektrik dan elektronik, produk minyak sawit serta

eksport minyak dan gas yang memberangsangkan.

"Pada 2023, momentum pertumbuhan menjadi sederhana apabila diukur pada asas tahun ke tahun, disebabkan oleh kesan tahun asas dan penurunan ketara eksport barangan.

"Bagaimanapun, kadar pertumbuhan suku ke suku telah meningkat dengan ketara pada suku kedua dan ketiga 2023," katanya dalam komentar ekonominya.

Industri elektronik melonjak
Walaupun terdapat kelembapan

“Kadar pertumbuhan suku ke suku telah meningkat dengan ketara pada suku kedua dan ketiga 2023”

Rajiv Biswas,
Ketua Ahli Ekonomi Asia Pasifik
S&P Global Market Intelligence

dalam tempahan elektronik global pada 2023, Biswas berkata, prospek ekonomi jangka sederhana bagi industri elektronik Malaysia adalah menggalakkan.

Beliau berkata, tinjauan untuk permintaan elektronik disokong oleh perkembangan teknologi utama, termasuk pelancaran 5G dalam tempoh lima tahun akan datang, yang akan memacu permintaan untuk telefon mudah alih 5G.

Katanya, permintaan untuk industri elektronik juga dijangka berkembang pesat dalam

jangka sederhana, dibantu oleh Industri 4.0 kerana automasi industri dan internet kebendaan (IoT) meningkatkan pertumbuhan pesat dalam permintaan bagi industri elektronik.

"Daya saing Malaysia sebagai hab elektronik global diserlahkan dengan keputusan beberapa syarikat multinasional elektronik untuk melabur dalam projek baharu berskala besar.

"Intel melabur AS\$7 bilion dalam kilang pembungkusan semikonduktor baharu di Pulau Pinang, yang dijangka siap menjelang 2024 dan mewujudkan beribu-ribu pekerjaan baharu di Malaysia.

"Infineon Technologies sedang membina modul fabrik wafer terancang di Kulim, dengan pelaburan sekitar RM5 bilion. Modul baharu itu, yang dijangka siap pada 2024, akan menambah kapasiti pengeluaran yang ketara dalam semikonduktor kuasa," katanya.

